

PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH
POLISI PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN

A. Mini Studio PSNZ

Studio ini terbuka untuk kegunaan para pengguna PSNZ dan keutamaan diberikan kepada para pelajar. Kegunaan adalah bagi tujuan tugas khusus yang memerlukan rakaman audio atau video.

1. Kapasiti penggunaan ruang ini, minimum lima (5) orang dan maksimum sepuluh (10) orang pada satu-satu masa.
2. Pengguna dikehendaki hadir ketika proses semakan studio sebelum penggunaan untuk sesi taklimat oleh staf PSNZ.
3. Tempahan penggunaan studio melalui sistem perlu dibuat 3 (tiga) hari sebelum tarikh penggunaan.
4. Waktu operasi studio adalah dari jam 9.00 pagi – 9.00 malam (tertakluk kepada waktu operasi semasa PSNZ)
5. Kelulusan tempahan yang dibuat melalui sistem akan dimaklumkan melalui emel dalam tempoh **3 hari BEKERJA** sebelum tarikh penggunaan.
6. Tempahan yang dikemukakan melalui sistem dalam talian hendaklah mengesahkan persetujuan untuk menerima tanggungjawab bagi kerosakan yang disebabkan kecuaiannya pengguna akan dikenakan tindakan mengikut tatacara pengurusan aset/inventori Universiti Malaysia Terengganu.
7. Semua pengguna perlu **menyediakan** alat peranti simpanan masing – masing dan bertanggungjawab untuk mendapatkan, muat turun dan menyimpan semua kandungan rakaman dari fail RAKAMAN di komputer Studio, atau ke pemacu luaran.
8. Selepas menyimpan fail, fail rakaman akan dihapuskan dari storan komputer dalam studio. Pihak PSNZ tidak akan bertanggungjawab di atas, kerosakan dan kehilangan fail rakaman selepas rakaman dibuat.
9. Makanan dan minuman tidak dibenarkan di dalam studio.
10. Pastikan kerusi dan semua alatan dalam kedudukan asal sebelum pengguna meninggalkan bilik.
11. Staf PSNZ berhak untuk membatalkan sebarang tempahan sekiranya terdapat pertindihan/keutamaan penggunaan untuk aktiviti rasmi universiti.
12. Pengguna yang memerlukan bantuan teknikal sepanjang tempoh penggunaan perlu menghubungi staf bertugas di Kaunter Utama PSNZ.
13. Panduan tempahan (MyNemo - Sokongan - Sistem Tempahan Online PSNZ)

14. Pengguna yang berminat boleh membuat tempahan melalui <https://mynemo.umt.edu.my/> dan seterusnya memilih Menu Sokongan - Sistem Tempahan Bilik Online PSNZ - Mini Studio PSNZ

15. Polisi ini tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa

Tatacara Penggunaan Mini Studio PSNZ

1. Pengguna hendaklah menempah penggunaan studio **3 hari sebelum tarikh penggunaan.**

2. Item perlu dibawa oleh **PENGGUNA** bagi tujuan rakaman:

a. Peralatan:

- Slaid latar belakang video (presenter backdrop) (format: power-point)
- Tajuk dan skrip (format microsoft word)

*Nota: Disediakan oleh pengguna sebelum menggunakan studio.

b. Bahan rakaman:

- Sebelum rakaman – *storyboard* lengkap berserta skrip di dalam bentuk *softcopy* bagi tujuan muatnaik ke dalam alat teleprompter.
- Selepas rakaman – hasil rakaman di muat turun (download) ke dalam alat simpanan persendirian (external hardisk dsb)

B. Synergy Room (Bilik Perbincangan Interaktif)

1. Bilik ini adalah untuk kegunaan warga UMT khususnya para pensyarah untuk tujuan berkaitan pengajaran dan pembelajaran (PnP) seperti;
 - i. Ruang taklimat berkaitan pengajaran dan pembelajaran (PnP);
 - ii. Pembentangan berkaitan Pengajaran/Pembelajaran; dan
 - iii. Bengkel latihan kepada mana-mana PTJ dan pelajar
2. Waktu operasi bilik adalah dari jam 9.00 pagi – 9.00 malam (tertakluk kepada waktu operasi semasa PSNZ)

3. Tempahan bagi bilik ini hendaklah dibuat dalam talian dalam tempoh tiga (3) hari bekerja
4. Kapasiti penggunaan mengikut Synergy Room di PSNZ
 - i. Synergy 1- Minimum 6 , maksimum 12 orang
 - ii. Synergy 2 – Minimum 8 , maksimum 16 orang
5. Tempoh penggunaan ruang ini adalah selama dua (2) jam bagi setiap pendaftaran.
6. Para pengguna tidak dibenarkan makan dan minum di dalam bilik ini.
7. Pengguna hendaklah berkelakuan sopan, tidak mengganggu pengguna lain dan mematuhi peraturan am sedia ada PSNZ;
8. Tempahan yang dikemukakan melalui sistem dalam talian hendaklah mengesahkan persetujuan untuk menerima tanggungjawab bagi kerosakan yang disebabkan kecuaiannya pengguna akan dikenakan tindakan mengikut tatacara pengurusan aset/inventori Universiti Malaysia Terengganu;
9. Kasut @ Selipar tidak dibenarkan ketika berada di ruangan bilik ini.
10. Peralatan elektrik/elektronik yang tersedia di ruangan ini hendaklah ditutup (OFF) selepas digunakan.
11. Pengguna perlu membawa peralatan sendiri seperti 'Whiteboard Marker' dan pemadam.
12. Pastikan sampah di bawa keluar dan dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan, kerusi di susun semula, papan tulis di padam dan lampu bilik ditutup sebelum pengguna meninggalkan bilik.
13. Pengguna yang berminat boleh membuat tempahan melalui <https://mynemo.umt.edu.my/> dan seterusnya memilih Menu Sokongan - Sistem Tempahan Bilik Online PSNZ - Synergy Room.
14. Polisi ini tertakluk kepada perubahan dan dari masa ke semasa.

C. Laptop Zone (Ruang Komputer) – ditutup sementara waktu

Terdapat lebih kurang 47 unit komputer (PC desktop) yang tersedia untuk kemudahan kepada pengguna.

1. Penggunaan komputer hanya untuk pencarian maklumat dan tujuan pengajaran dan pembelajaran (PnP);
2. Waktu operasi ruang adalah dari jam 9.00 pagi – 9.00 malam (tertakluk kepada waktu operasi semasa PSNZ)
3. Pengguna perlu membawa alat storan (Thumb-Drive) untuk menyimpan maklumat yang diperolehi daripada Internet;

4. Pengguna adalah dilarang menambah perisian/program (selain dari yang tersedia) atau menyimpan sebarang dokumen atau fail peribadi di dalam komputer Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah;
5. Masa penggunaan komputer hanyalah dua (2) jam bagi setiap pengguna. Walau bagaimanapun, pengguna boleh terus menggunakan komputer sekiranya tiada pengguna lain membuat tempahan. Pihak PSNZ berhak mengalih dan memadam mana-mana fail yang tidak berkaitan di kesemua PC di ruangan ini;
6. Sebarang kerosakan ketika penggunaan yang disebabkan kecuaiannya pengguna akan dikenakan tindakan mengikut tatacara pengurusan aset/inventori Universiti Malaysia Terengganu;
7. Setiap fail yang ingin diakses mestilah diimbangi menggunakan perisian Antivirus yang telah tersedia di dalam komputer;
8. Pengguna diminta menjaga etika dan mematuhi peraturan sedia ada PSNZ ketika berada di ruang ini. Pengguna adalah **DILARANG SAMA SEKALI** menggunakan Internet untuk tujuan chatting, permainan komputer selain tujuan pembelajaran; muat turun dan menyebarkan bahan-bahan pornografi, perkauman, kontroversi dan lain-lain yang berunsur **TIDAK SIHAT**;
9. Pengguna yang didapati melakukan kesalahan-kesalahan di atas, akan ditamatkan sesi penggunaan komputer pada hari tersebut. Kesalahan mereka juga akan direkodkan.
10. Staf PSNZ berhak menegur dan mengambil tindakan bagi sebarang salah laku.
11. Sekiranya kesalahan yang sama masih diulangi, laporan akan dihantar ke Pejabat Hal-Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) dan pengguna tersebut akan disenaraihitamkan.
12. Pengguna mestilah menjaga kebersihan kawasan ini. Sebarang sampah hendaklah dibuang di tempat yang telah disediakan.
13. Para pengguna tidak dibenarkan makan dan minum di ruangan ini.
14. Pastikan sampah dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan, kerusi di susun semula, sebelum pengguna meninggalkan ruang.
15. Panduan tempahan (MyNemo - Sokongan - Sistem Tempahan Online PSNZ)
16. Pengguna yang berminat boleh membuat tempahan melalui <https://mynemo.umt.edu.my/> dan seterusnya memilih Menu Sokongan - Sistem Tempahan Bilik Online PSNZ – Penggunaan Komputer.
17. Polisi ini tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa.

D. MakerSpace

Bilik ini adalah untuk kegunaan warga UMT khususnya pelajar dan pensyarah untuk tujuan berkaitan pengajaran dan pembelajaran seperti;

- iv. Pembangunan sistem berkaitan peralatan Auditorino;
- v. Ujilari rekaan dan sistem yang telah dibangunkan;
- vi. Ruang Taklimat berkaitan pembelajaran IOT;
- vii. Pembentangan berkaitan Pengajaran/Pembelajaran; dan
- viii. Bengkel latihan kepada mana-mana PTJ dan pelajar.

1. Pengguna adalah digalakkan membawa peralatan sendiri (Bring Your Own Device - B.Y.O.D) seperti Ipad/Laptop bagi menyokong aktiviti yang dikendalikan.
2. Sebarang peralatan yang digunakan hendaklah dikembalikan seperti keadaan asal selepas sesuatu projek atau kerja telah selesai dijalankan.
3. Pengguna yang berminat boleh membuat tempahan melalui <https://mynemo.umt.edu.my/> dan seterusnya memilih Menu Sokongan - Sistem Tempahan Bilik Online PSNZ - PSNZ Maker Room.
4. Tempahan yang dikemukakan melalui sistem dalam talian hendaklah mengesahkan persetujuan untuk menerima tanggungjawab bagi kerosakan yang disebabkan kecuaiannya pengguna akan dikenakan tindakan mengikut tatacara pengurusan aset/inventori Universiti Malaysia Terengganu.
5. Kapasiti penggunaan ruang ini, minimum lima (5) orang dan maksimum (15) orang pada satu-satu masa.
6. Penggunaan bilik ini adalah sepanjang waktu pejabat sahaja.
7. Para pengguna tidak dibenarkan makan dan minum di ruangan ini.
8. Pastikan sampah di bawa keluar dan dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan, kerusi di susun semula, papan tulis di padam dan lampu bilik ditutup sebelum pengguna meninggalkan bilik.
9. Polisi ini tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa.

E. Game Room

1. Kapasiti penggunaan bilik ini adalah minimum empat (4) orang dan maksimum sepuluh (10) orang pada satu-satu masa.
2. Waktu operasi bilik adalah dari jam 9.00 pagi – 9.00 malam (tertakluk kepada waktu operasi semasa PSNZ)

3. Tempahan penggunaan bilik ini melalui sistem perlu dibuat 3 (tiga) hari sebelum tarikh penggunaan.
4. Tempoh penggunaan ruang ini adalah selama dua (2) jam bagi setiap pendaftaran.
5. Para pengguna tidak dibenarkan makan dan minum di ruangan ini.
6. Pengguna hendaklah berkelakuan sopan, tidak mengganggu pengguna lain dan mematuhi peraturan am sedia ada PSNZ.
7. Staf PSNZ berhak menegur dan mengambil tindakan bagi sebarang salah laku.
8. Sekiranya kesalahan yang sama masih diulangi, laporan akan dihantar ke Pejabat Hal-Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) dan pengguna tersebut akan disenaraihitamkan.
9. Sebarang kerosakan ketika penggunaan yang disebabkan kecuaiannya pengguna akan dikenakan tindakan mengikut tatacara pengurusan aset/inventori Universiti Malaysia Terengganu.
10. Pengguna yang berminat boleh membuat tempahan melalui <https://mynemo.umt.edu.my/> dan seterusnya memilih Menu Sokongan - Sistem Tempahan Bilik Online PSNZ - PSNZ Game Room.
11. Kad matrik hendaklah diserahkan kepada petugas ketika penggunaan bilik permainan (Pertukaran Joystick)
12. Kasut @ Selipar tidak dibenarkan ketika berada di ruangan bilik ini.
13. Pastikan sampah di bawa keluar dan dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan, kerusi di susun semula, papan tulis di padam dan lampu bilik ditutup sebelum pengguna meninggalkan bilik.
14. Polisi ini tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa.

F. Bilik i Champion Learning Space (iCLS)

Ruang ini adalah untuk penggunaan warga UMT khususnya pelajar/pensyarah/staf UMT untuk tujuan berkaitan pengajaran dan pembelajaran seperti;

- i. Aktiviti bengkel
 - ii. Aktiviti pembangunan laman web/Portal/aplikasi
 - iii. Ruang Taklimat atau Mesyuarat
 - iv. Pembentangan Berkaitan Pengajaran/Pembelajaran
 - v. Bengkel latihan kepada mana-mana PTJ dan Pelajar.
1. Pengguna adalah digalakkan membawa peralatan sendiri (Bring Your Own Device - B.Y.O.D) seperti Ipad/Laptop bagi menyokong aktiviti yang dikendalikan.

2. Waktu operasi bilik adalah dari jam 9.00 pagi – 9.00 malam (tertakluk kepada waktu operasi semasa PSNZ)
3. Pengguna yang berminat boleh membuat tempahan melalui <https://mynemo.umt.edu.my/> dan seterusnya memilih Menu Sokongan - Sistem Tempahan Bilik Online PSNZ - Bilik iChampion Learning Space (iCLS)
4. Para pengguna tidak dibenarkan makan dan minum di ruangan ini
5. Kapasiti maksimum bilik tersebut adalah seramai 20 orang pengguna.
6. Kasut @ Selipar tidak dibenarkan ketika berada di ruangan bilik ini.
7. Pastikan sampah di bawa keluar dan dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan, kerusi di susun semula, papan tulis di padam dan lampu bilik ditutup sebelum pengguna meninggalkan bilik.
8. Polisi ini tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa.

G. Bilik Latihan Multimedia

Bilik ini terletak di bahagian hujung Aras Satu bangunan Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah. Terdapat lebih kurang 30 unit komputer (PC Desktop) yang tersedia untuk kemudahan kepada pengguna.

1. Penggunaan komputer adalah untuk kelas pencarian maklumat bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran (PnP).
2. Waktu operasi bilik adalah dari jam 9.00 pagi – 9.00 malam (tertakluk kepada waktu operasi semasa PSNZ)
3. Pengguna perlu membawa alat storan (Thumb-Drive) untuk menyimpan maklumat yang diperolehi daripada penggunaan komputer di bilik ini.
4. Pengguna adalah dilarang menambah perisian/program (selain dari yang tersedia) atau menyimpan sebarang dokumen atau fail peribadi di dalam komputer Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah.
5. Pihak PSNZ berhak mengalih dan memadam mana-mana fail yang tidak berkaitan di kesemua PC di bilik ini.
6. Sebarang kerosakan ketika penggunaan yang disebabkan kecuaiannya pengguna akan dikenakan tindakan mengikut tatacara pengurusan aset/inventori Universiti Malaysia Terengganu.
7. Setiap fail yang ingin diakses mestilah diimbangi menggunakan perisian Antivirus yang telah tersedia di dalam komputer.
8. Pengguna diminta menjaga etika dan mematuhi peraturan sedia ada PSNZ ketika berada

di bilik ini.

9. Pengguna adalah **DILARANG SAMA SEKALI** menggunakan Internet untuk tujuan chatting, permainan komputer selain tujuan pembelajaran; muat turun dan menyebarkan bahan-bahan pornografi, perkauman, kontroversi dan lain-lain yang berunsur **TIDAK SIHAT**.
10. Pengguna yang didapati melakukan kesalahan-kesalahan di atas, akan ditamatkan sesi penggunaan komputer pada hari tersebut. Kesalahan mereka juga akan direkodkan.
11. Staf PSNZ berhak menegur dan mengambil tindakan bagi sebarang salah laku.
12. Para pengguna tidak dibenarkan makan dan minum di ruangan ini
13. Sekiranya kesalahan yang sama masih diulangi, laporan akan dihantar ke Pejabat Hal-Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) dan pengguna tersebut akan disenaraihitamkan.
14. Pengguna yang berminat boleh membuat tempahan melalui <https://mynemo.umt.edu.my/> dan seterusnya memilih Menu Sokongan - Sistem Tempahan Bilik Online PSNZ - Bilik Latihan Multimedia
15. Kasut @ Selipar tidak dibenarkan ketika berada di ruangan bilik ini.
16. Pastikan sampah di bawa keluar dan dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan, kerusi di susun semula, papan tulis di padam dan lampu bilik ditutup sebelum pengguna meninggalkan bilik.
17. Polisi ini tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa.